



10 JUL, 2022

## 267 program jualan dilaksana

Metro Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

## 267 program jualan dilaksana

**Marang:** Program Khas Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia (JTDLKM) yang dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) sejak 1 Jun lalu menyasarkan jualan sebanyak RM10.5 juta hingga akhir tahun ini.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, ia membabitkan 8,400 usahawan dengan 840 kali penganjuran JTDLKM di seluruh negara.

Beliau berkata, program berkenaan memberi ruang kepada pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan harian dengan penjimatan lima hingga 10 peratus berbanding harga pasaran bagi produk terpilih.

“Sejak 1 Jun hingga 3 Julai, sebanyak 267 program di-



ZAINAL Abidin

laksanakan di seluruh negara dengan nilai jualan terkumpul RM3.1 juta.

“Melalui penganjuran sepanjang tempoh itu, sebanyak RM316,000 penjimatan dinikmati oleh 150,000 pengunjung,” katanya kepada pemberita selepas meninjau jualan di Taman Medan Jaya di Rusila, dekat sini, semalam.

Menurut Zainal Abidin, sepanjang tempoh itu juga, JTDLKM mencatatkan kuantiti jualan keseluruhan berjumlah 368 tan metrik barangan termasuk sayur-sayuran, buah-buahan, ikan dan 52,600 ekor ayam.

Di Terengganu, JTDLKM dianjurkan di 22 lokasi membabitkan 359 usahawan dengan nilai jualan RM560,000 dengan antara barangan yang mendapat sambutan ialah ayam, ikan kembung, telur ayam, sotong, udang dan sayur-sayuran.

Menurutnya, program itu juga dapat memendekkan rantaian pemasaran agromakanan bagi memberi harga terbaik kepada pengguna selaras saranan perdana menteri untuk meneruskan konsep jihad memerangi orang tengah.



10 JUL, 2022

## 267 program jualan dilaksana

Metro Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Marang: Program Khas Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia (JTDLKM) yang dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) sejak 1 Jun lalu menyasarkan jualan sebanyak RM10.5 juta hingga akhir tahun ini. Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, ia membabitkan 8,400 usahawan dengan 840 kali penganjuran JTDLKM di seluruh negara.